



NEGERI SELANGOR

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF SELANGOR GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 62
No. 12

11hb Jun 2009

TAMBAHAN
No. 3

AKTA PENGAMBILAN TANAH 1960
(Akta 486)

No. 2005.

(Seksyen 8)

PERISYTIHARAN PENGAMBILAN YANG DICADANGKAN

Adalah dengan ini diisyiharkan bahawa tanah-tanah dan kawasan-kawasan yang tertentu yang dinyatakan dalam Jadual di bawah ini adalah dikehendaki bagi maksud yang berikut:

Projek Lebuhraya Penyuraian Trafik Jalan Lingkaran Kajang di atas Lot 1460, G.M. 824, Mukim Semenyih Daerah Hulu Langat, Selangor.

2. Pelan bagi tanah-tanah dan kawasan-kawasan yang tertentu yang dinyatakan itu boleh diperiksa dalam masa waktu bekerja biasa di Pejabat Tanah bagi Daerah di mana terletaknya tanah-tanah dan kawasan-kawasan itu.

JADUAL

Daerah—Hulu Langat. Mukim—Semenyih. No. Lot—1460. Hakmilik atau Pendudukan—G.M. 824. Tuanpunya Berdaftar atau Penduduk yang Direkodkan—Tambi Husin @ Husin bin Kami @ Kamin 1/1 bahagian. Keluasan Lot—14593.38 meter persegi. Anggaran Keluasan yang akan Diambil—494.637 meter persegi.

Bertarikh 26 Mei 2009
[PTG. Sel. 3/KKR/06/114]

DATO' ABD. NASIR BIN HASSAN
*Pengarah Negeri
Selangor*

WARTA KERAJAAN NEGERI SELANGOR

1994

[11hb Jun 2009]

No. 2006.

(Seksyen 8)

PERISYTIHARAN PENGAMBILAN YANG DICADANGKAN

Adalah dengan ini diisytiharkan bahawa tanah-tanah dan kawasan-kawasan yang tertentu yang dinyatakan dalam Jadual di bawah ini adalah dikehendaki bagi maksud yang berikut:

Tapak Kolej Komuniti Ampang, Mukim Ulu Kelang, Daerah Gombak, Selangor.

2. Pelan bagi tanah-tanah dan kawasan-kawasan yang tertentu yang dinyatakan itu boleh diperiksa dalam masa waktu-waktu bekerja biasa di Pejabat Tanah bagi Daerah tempat letaknya tanah-tanah dan kawasan-kawasan itu.

JADUAL

Daerah—Gombak. Mukim—Ulu Kelang.

No. Lot Ukur	Hakmilik atau Pendudukan	Tuanpunya Berdaftar atau Penduduk yang Direkodkan	Keluasan Lot	Anggaran Keluasan yang akan Diambil
	H.S.(M)		Hektar	Hektar
P.T. 3892	14142	Parit Bakar Development Sdn. Bhd.	0.0169	0.0169
P.T. 3893	14143	Parit Bakar Development Sdn. Bhd.	0.0169	0.0169

Bertarikh 27 Mei 2009
[PTG. Sel. 3/KPT/07/103]

DATO' ABD. NASIR BIN HASSAN
*Pengarah Negeri
Selangor*

No. 2007.

(Seksyen 8)

PERISYTIHARAN PENGAMBILAN YANG DICADANGKAN

PEMBETULAN

Jadual kepada Pemberitahuan Warta No. 170 yang disiarkan pada 1 Januari 2009 adalah dipinda dengan menggantikan perkataan-perkataan:

“61713	TDK	Hakmilik Tidak Dapat Dikesan	31.382	0.0181 (0.0073 hektar)”
--------	-----	------------------------------	--------	-------------------------------

yang terdapat di bawah “Mukim—Damansara” dengan perkataan-perkataan:

“	H.S.(D)			
P.T. 16868	118805	F & NCC Beverages Sdn. Bhd.	12.6973	0.0073 hektar”.

[PTG. Sel. 3/KKR/02/147]

Hakcipta Pencetak **(H)**

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiaran dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).



DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,
KUALA LUMPUR
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA